

NOTICE UNDER THE PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010

This written notice ("**Notice**") is issued by Sime Darby Property Berhad and by Sime Darby Property Berhad on behalf of its subsidiaries and related corporations, including without limitation Kuala Lumpur Golf & Country Club Berhad, Impian Golf Resort Berhad, Sime Darby Property (Convention Centre) Sdn Bhd and Sime Darby Property Holdings Sdn Bhd which operate TPC Kuala Lumpur, Impian Golf & Country Club, Sime Darby Convention Centre and Bayuemas Sports Complex respectively (collectively "**our**", "**us**" or "**we**") to you. For the purpose of this Notice, the terms "**personal data**" and "**processing**" shall have the same meaning as prescribed in the Personal Data Protection Act 2010 ("**Act**").

Consent

1. This Notice serves to inform you that your personal data is being processed by us or on our behalf and you hereby give your consent to the processing of your personal data.

Description of personal data

2. We may collect a variety of personal data from you from time to time including but not limited to name, date of birth, age, name of employer, designation, Malaysian Identification Card number, passport number or such other personal identification number, nationality, race, religion, health information, travel history, e-mail address, address, contact number, marital status, photographs, CCTV images and footages, bank account details, credit card details, other personal data which is submitted or made available by you to us from time to time and all other personal data we again collect from you on any subsequent occasion. The types of personal data that we may collect would depend on the circumstances of the collection, the nature of the services involved or our dealings with you.

Purpose

3. Your personal data is being or is to be collected and further processed by us for the following purposes (where relevant):
 - (a) performing pre-contractual activities and our contractual obligations with you, including without limitation assessing your application (membership), preparation of legal documents or contracts to be entered into between us and where necessary, conducting Know-Your-Customer processes, verifying your identity and assessing your eligibility;
 - (b) ensuring the performance by you of your pre-contractual and contractual obligations to us;
 - (c) to administer and give effect to the commercial transactions with you and obtaining professional advice;
 - (d) allowing you to connect to the wifi facilities offered by us or our service provider and/or to access any online platforms or sites owned, operated or managed by us or on our behalf ("**Platform**");
 - (e) to provide and improve our products and/or services to you (including without limitation services and products in relation to banqueting, golf and club membership, entertainment, accommodation and hostel and/or events);
 - (f) receiving products and/or services from you;
 - (g) where relevant, operating, managing and administering your participation in any of our membership programmes;
 - (h) granting you access to any relevant facilities, including without limitation the premises/facilities owned, operated or managed by us or on our behalf ("**Our Premises**");
 - (i) applying, obtaining and maintaining any relevant insurance policies and credit facilities (including without limitation assisting you in procuring any relevant insurance policies);
 - (j) to verify your financial standing through credit reference/reporting check and conducting background checks, if necessary;
 - (k) verifying and carrying out financial transactions in relation to payments made by or to you and administering and processing any payments related to products and/or services requested or provided by you;
 - (l) communicating with you, dealing with your inquiries or complaints, resolving any issues/disputes and enforcing our rights;
 - (m) the operation, management and/or maintenance of our system and Our Premises;
 - (n) for internal management and administrative purposes, including without limitation for purposes related to data storage and management;
 - (o) inviting you to participate in our events, contests, tournaments, competitions, programmes (including membership programmes) and other activities organised or sponsored by us or on our behalf ("**Events**");
 - (p) business development purposes, market surveys/research and trend analysis such as evaluating the effectiveness of our marketing or advertising content, statistics compilation, reporting, audit, compliance, risk management and assessment, data analytics to improve our services and for the purpose of assisting us in any future dealings with you, for example, by identifying your requirements and preference;
 - (q) advertising and providing you with information (such as Events, offers or promotions) relating to our and our related corporations' and business partners' products and/or services, including without limitation sending you e-newsletters, promotional marketing materials, seasonal/birthday greetings and messages, gifts and/or vouchers;
 - (r) publishing photographs or video footages of you, which are captured during your participation in any of the Events (with or without your name), on our Platform or social media or at Our Premises;
 - (s) protecting your safety and wellbeing and that of our other customers/patrons;
 - (t) preventing or investigating any illegal or criminal activities and complying with any legal or regulatory requirements and/or directions and instructions from any law enforcement officer or any governmental and regulatory bodies; and/or
 - (u) such other purposes authorised by you or directly related or ancillary to the foregoing.

(collectively, the “Purposes”, the above activities may be carried out for the purposes of the company/entity/body/other persons represented by you.)

Source of personal data

4. Your personal data is being or is to be collected from a variety of sources, including without limitation:
- (a) from the forms submitted or filled in by you or on your behalf (including without limitation membership application form, privilege card application form, registration form, participation form, visitor/guest list, inquiry form or online form);
 - (b) when you visit Our Premises in person;
 - (c) via any Platforms and/or the cookies;
 - (d) from any information or document submitted or provided by you to us for any of the Purposes (such as your Identity Card, student card, passport, salary slip and/or bank statement);
 - (e) when you use or inquire about our products and/or services;
 - (f) when you inquire about, register for or participate in any Events;
 - (g) when you contact us through various methods such as telephone calls, emails and/or the Platform;
 - (h) CCTV;
 - (i) any third parties (including without limitation your friends and family members, our existing customer or member (for example, as part of our referral programmes), credit reference bodies, regulatory and law enforcement authorities and other third party sources); and/or
 - (j) from all other communications between you and us and all other information that you may provide to us from time to time.

Access to, correction of and limiting the processing of personal data

5. You have the right to request access to and to request correction of your personal data subject to the following and subject to provisions of the Act:
- (a) you may, upon payment of a prescribed fee, make a data access request or a data correction request in writing to us; and
 - (b) we may refuse to comply with your data access request or a data correction request and shall, by notice in writing, inform you of our refusal and the reasons of our refusal.
6. You may limit the processing of your personal data or to request us to cease or not begin processing your personal data for purposes of direct marketing. You have the right to withdraw your consent previously given to us (in full or in part) by providing us with a notice in writing subject to any applicable legal restrictions and a reasonable duration of time for the withdrawal of consent to be effected. If you limit the processing or withdraw your consent to any or all use of your personal data, we may not be in a position to continue to administer any contractual relationship in place, which in turn may result in us being unable to continue to provide you with our services/products and/or the termination of any arrangements/agreements with us.

7. You may contact us with any inquiries or complaints in respect of your personal data via the methods below:

Designation:	PDPA Officer
Telephone No.:	+603 2011 9188
Fax No. (if any):	+603 2095 0512
E-mail address (if any):	pdpa.admin.leisure@simedarbyproperty.com

Disclosure of personal data

8. We may disclose/transfer your personal data to the following third parties (who may be located within or outside Malaysia) in connection with or for the fulfilment of any of the Purposes:
- (a) our related corporations, subsidiaries, affiliates and/or our group companies;
 - (b) our business partners, contractors and service providers, including without limitation our data centre service providers, storage facility and records management service providers, cloud service providers, Information Technology service providers and/or data analytics and marketing agencies;
 - (c) credit reporting agencies;
 - (d) our financial and other professional advisors;
 - (e) banks, insurance companies, credit card verification providers and payment processors;
 - (f) governmental departments and/or agencies, regulatory and/or statutory bodies and law enforcement officer;
 - (g) such third party as requested for or authorised by you;
 - (h) your immediate family members and/or contact person (in case of emergency) as may be notified to us from time to time;
 - (i) safety and security personnel;
 - (j) our actual or potential assignee, assignor, transferee, transferor, acquirer or acquiree in respect of our rights, interests and properties;
 - (k) third parties due to any actual or potential corporate restructuring or exercise (including without limitation merger, acquisition and/or the restructuring of our business, assets and/or liabilities); and
 - (l) other third parties for any of the Purposes.

Third party personal data

9. We may require your assistance if the personal data relating to other persons is required to process your personal data for the Purposes and you hereby agree to use your best endeavors to assist us when required.
10. In the event that personal data of any third party is supplied by you to us, you shall ensure that such third party has read this Notice and consented to us collecting his/her personal data for any of the Purposes prior to the supply of his/her personal data to us.
11. Where another person is providing/submitting any of your personal data to us, you agree that you have authorised the disclosure of your personal data to us and consented to the processing of your personal data by us in accordance with this Notice.

Personal data of minors and others

12. In respect of: (i) personal data relating to a minor (i.e. individuals under 18 years of age, "**Minor**"), please note that consent is required from the Minor's parent or guardian or person who has parental responsibility over the Minor; and (ii) an individual who is deemed incapable of managing his/her own affairs ("**Special Person**"), please note that we require consent from the person appointed by a court to manage the Special Person's affairs or the person who has been legally or validly authorised to act on the Special Person's behalf. Please can you confirm that you are authorised to act on the Minor's or the Special Person's behalf as described above and that you consent, on the Minor's or the Special Person's behalf, to the processing (including disclosure and transfer) of the Minor's or the Special Person's personal data in accordance with this Notice. In the event that you submit any of your personal data to us (in addition to the Minor's personal data or the Special Person's personal data), you also consent to the processing of your personal data in accordance with this Notice.

Obligatory personal data

13. It is obligatory that you supply us the details marked or specified as compulsory in our forms (collectively, "**compulsory personal data**"). If you fail to supply us with any of the compulsory personal data, we may refuse to process your personal data for any of the Purposes. This may result in us being unable to provide you with the services and/or products requested for.

Transfer of personal data to places outside Malaysia

14. We may where necessary transfer your personal data to a place outside of Malaysia and you hereby give your consent to the transfer.

Accuracy of your personal data

15. You are responsible for ensuring that the information you provide to us is accurate, complete, not misleading and kept up to date. You may update your personal data by submitting to us the update form which can be obtained from us upon your request.

Conflict

16. In the event of any inconsistency between the English version and the Bahasa Malaysia version of this Notice, the English version shall prevail over the Bahasa Malaysia version.

Amendments

17. We may update and amend this Notice from time to time. We will notify you of any amendments to this Notice via notices on our Platform or other appropriate means. Any such amendments will be effective upon such notification. By continuing to engaging with us in respect of our products and/or services, accessing our Platform or Our Premises and/or providing us with your services/products, after the issuance of such amendment notice, you will be considered as having agreed to this Notice (as amended and updated).

NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Notis bertulis ini ("**Notis**") dikeluarkan oleh Sime Darby Property Berhad dan oleh Sime Darby Property Berhad bagi pihak syarikat-syarikat subsidiarinya dan perbadanan-perbadanan berkaitannya, termasuk tanpa had kepada Kuala Lumpur Golf & Country Club Berhad, Impian Golf Resort Berhad, Sime Darby Property (Convention Centre) Sdn Bhd dan Sime Darby Property Holdings Sdn Bhd yang masing-masingnya mengoperasikan TPC Kuala Lumpur, Impian Golf & Country Club, Sime Darby Convention Centre dan Bayuemas Sports Complex (secara kolektif "**kami**") kepada anda. Untuk tujuan Notis ini, terma-terma "**data peribadi**" dan "**pemprosesan**" mempunyai maksud yang sama seperti yang ditakrif dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**Akta**").

Persetujuan

1. Notis ini bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda sedang diproses oleh atau bagi pihak kami dan anda dengan ini memberikan persetujuan anda bagi pemprosesan data peribadi anda.

Perihal data peribadi

2. Kami mungkin mengumpul pelbagai data peribadi daripada anda dari semasa ke semasa termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, tarikh lahir, umur, nama majikan, jawatan, nombor Kad Pengenalan Malaysia, nombor pasport atau nombor pengenalan peribadi lain, kewarganegaraan, bangsa, agama, maklumat kesihatan, sejarah perjalanan, alamat e-mel, alamat, nombor telefon, status perkahwinan, gambar, imej dan rakaman CCTV, maklumat akaun bank, maklumat kad kredit, data peribadi lain yang dihantar atau dikemukakan oleh anda kepada kami dari semasa ke semasa dan semua data peribadi lain kami sekali lagi kumpul daripada anda pada bila-bila masa kemudiannya. Jenis-jenis data peribadi yang kami kumpul bergantung kepada keadaan pengumpulan, jenis perkhidmatan yang terlibat atau urusan kami dengan anda.

Tujuan

3. Data peribadi anda sedang atau akan dikumpulkan dan diproses selanjutnya oleh kami untuk tujuan-tujuan berikut (jika relevan):
 - (a) melaksanakan aktiviti pra-kontrak dan obligasi kontrak kami dengan anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada penilaian permohonan (keahlian) anda, penyediaan dokumen undang-undang atau kontrak antara anda dengan kami dan jika perlu, menjalankan process "*Know-Your-Customer*", mengesahkan identiti anda dan menilai kelayakan anda;
 - (b) memastikan anda melaksanakan obligasi pra-kontrak dan kontrak anda terhadap kami;
 - (c) mentadbir dan melaksanakan transaksi komersial dengan anda dan mendapatkan nasihat profesional;
 - (d) membolehkan anda menyambung ke fasiliti wifi yang ditawarkan oleh kami atau pembekal khidmat kami dan/atau memberikan anda akses kepada platform dalam talian atau laman web yang dimiliki, dikendalikan atau diuruskan oleh, atau bagi pihak, kami ("**Platform**");
 - (e) memberikan, membekalkan dan maningkatkan produk dan/atau perkhidmatan kami kepada anda (termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan dan produk berkaitan dengan jamuan, keahlian golf dan kelab, hiburan, penginapan dan asrama dan/atau acara);
 - (f) menerima produk dan/atau perkhidmatan daripada anda;
 - (g) jika relevan, mengendalikan, mengurus dan mentadbir penyertaan anda dalam mana-mana program keahlian kami;
 - (h) memberikan anda akses kepada mana-mana kemudahan berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad kepada premis/kemudahan yang dimiliki, dikendalikan atau diuruskan oleh, atau bagi pihak, kami ("**Premis Kami**");
 - (i) memohon, memperoleh dan memastikan kesinambungan sebarang polisi insurans dan kemudahan kredit yang berkenaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada untuk membantu anda memperoleh sebarang polisi insurans yang berkaitan);
 - (j) untuk mengesahkan kedudukan kewangan anda melalui semakan rujukan/laporan kredit dan menjalankan pemeriksaan latar belakang, jika perlu;
 - (k) mengesahkan dan melaksanakan transaksi kewangan berkenaan dengan bayaran yang dibuat oleh atau kepada anda dan mentadbir dan memproses apa-apa bayaran berkaitan dengan produk dan/atau perkhidmatan yang diminta atau dibekalkan oleh anda;
 - (l) berkomunikasi dengan anda, menangani pertanyaan atau aduan anda, menyelesaikan sebarang isu/pertikaian dan menguatkuasakan hak-hak kami;
 - (m) operasi, pengurusan dan/atau penyelenggaraan sistem kami dan Premis Kami;
 - (n) untuk tujuan pengurusan dan pentadbiran dalaman, termasuk tetapi tidak terhad kepada, untuk tujuan-tujuan yang berkaitan dengan penyimpanan dan pengurusan data;
 - (o) menjemput anda untuk menyertai atau mengambil bahagian dalam acara, pertandingan, persaingan, program (termasuk program keahlian) dan aktiviti lain yang dianjurkan atau ditaja oleh, atau bagi pihak, kami ("**Acara**");
 - (p) tujuan pembangunan perniagaan, tinjauan/penyelidikan pasaran dan analisis trend seperti penilaian keberkesanan pemasaran/pengiklanan atau kandungan pemasaran kami, kompilasi statistik, pelaporan, audit, pematuhan, pengurusan dan penilaian risiko, analisis data untuk menambahbaik perkhidmatan, dan untuk tujuan membantu kami dalam sebarang urusan dengan anda di masa hadapan, sebagai contoh, untuk mengenal pasti keperluan dan pilihan anda;
 - (q) mengiklankan dan memberi anda maklumat (seperti Acara, tawaran atau promosi) yang berkaitan dengan produk dan/atau perkhidmatan kami, syarikat-syarikat bersekutu kami dan rakan-rakan perniagaan kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada menghantar surat berita elektronik, bahan pemasaran promosi, mesej dan salam bermusim/ulang tahun, hadiah dan/atau baucer kepada anda;

- (r) menerbitkan gambar dan rakaman video anda, yang ditangkap semasa penyertaan anda dalam mana-mana Acara (dengan atau tanpa nama anda), di Platform atau media social kami atau di Premis Kami;
- (s) untuk melindungi keselamatan dan kesejahteraan anda dan pelanggan/pelawat kami yang lain;
- (t) mencegah atau menyiasat sebarang aktiviti haram atau jenayah dan memenuhi/mematuhi apa-apa kehendak undang-undang atau kawal selia dan/atau arahan dan permintaan daripada pegawai penguatkuasa undang-undang atau badan kerajaan dan pihak berkuasa pengawalseliaan; dan/atau
- (u) tujuan- tujuan lain yang dibenarkan oleh anda atau berhubungan secara langsung atau sampingan dengan yang tersebut di atas.

(secara kolektif, "Tujuan" tersebut, aktiviti-aktiviti di atas boleh dilaksanakan untuk tujuan syarikat/entiti/perbadanan/orang lain yang diwakili oleh anda.)

Sumber data peribadi

4. Data peribadi anda sedang atau akan dikumpulkan dari pelbagai sumber, termasuk tanpa had:
 - (a) dari borang yang dikemukakan/dihantar atau diisi oleh anda atau bagi pihak anda (termasuk tetapi tidak terhad kepada borang permohonan keahlian, borang permohonan kad keistimewaan, borang pendaftaran, borang penyertaan, senarai pelawat/tetamu, borang pertanyaan atau borang dalam talian);
 - (b) apabila anda melawat Premis Kami;
 - (c) melalui Platform dan/atau dari cookies;
 - (d) dari mana-mana maklumat atau dokument yang dikemukakan, dihantar atau diberikan oleh anda kepada kami untuk mana-mana Tujuan tersebut (seperti kad pengenalan, kad pelajar, pasport, slip gaji dan/atau penyata bank anda);
 - (e) apabila anda menggunakan atau bertanya tentang produk dan/atau perkhidmatan kami;
 - (f) apabila anda bertanya tentang, mendaftar untuk atau menyertai mana-mana Acara;
 - (g) apabila anda menghubungi kami melalui pelbagai kaedah seperti panggilan telefon, e-mel dan/atau Platform;
 - (h) CCTV;
 - (i) mana-mana pihak ketiga (termasuk tetapi tidak terhad kepada rakan dan ahli keluarga anda, pelanggan atau ahli program kami yang sedia ada (contohnya, sebagai sebahagian daripada program rujukan kami), badan rujukan kredit, pihak pengawalseliaan berkuasa dan penguatkuasa undang-undang dan sumber pihak ketiga yang lain); dan/atau
 - (j) dari semua komunikasi lain antara anda dan kami dan dari semua maklumat lain yang anda mungkin berikan kepada kami dari masa ke semasa.

Akses kepada, pembetulan terhadap dan had pemprosesan data peribadi

5. Anda berhak untuk meminta akses kepada dan meminta pembetulan terhadap data peribadi anda tertakluk kepada peruntukan berikut dan peruntukan Akta tersebut:
 - (a) anda boleh, apabila dibayar fi yang ditetapkan, membuat suatu permintaan mengakses data atau permintaan pembetulan data secara bertulis kepada kami; dan
 - (b) kami boleh enggan mematuhi permintaan mengakses data atau permintaan pembetulan data daripada anda dan hendaklah, melalui notis bertulis, memaklumkan anda mengenai keengganan tersebut dan sebab-sebab bagi keengganan tersebut.
6. Anda boleh menghadkan pemprosesan data peribadi anda atau meminta kami berhenti memproses atau tidak memulakan pemprosesan data peribadi anda untuk tujuan pemasaran langsung. Anda berhak untuk menarik balik persetujuan anda yang telah diberikan kepada kami (sepenuhnya atau sebahagiannya) dengan memberikan kami suatu notis bertulis tertakluk kepada apa-apa sekatan undang-undang dan tempoh masa yang munasabah untuk pelaksanaan penarikan balik persetujuan tersebut. Jika anda menghadkan pemprosesan atau menarik balik persetujuan anda kepada apa-apa atau semua penggunaan data peribadi anda, kami mungkin tidak boleh terus mentadbir sebarang hubungan kontraktual, yang mungkin akan menyebabkan kami tidak dapat terus membekalkan anda dengan perkhidmatan/produk kami dan/atau mengakibatkan penamatan apa-apa urusan/perjanjian dengan kami.
7. Anda boleh menghubungi kami tentang apa-apa pertanyaan atau aduan berkenaan dengan data peribadi anda melalui butiran seperti yang diuraikan di bawah:

Jawatan:	Pegawai PDPA
No. Telefon:	+603 2011 9188
No. Fax (jika ada):	+603 2095 0512
Alamat E-mel (jika ada):	pdpa.admin.leisure@simeдарbyproperty.com

Penzahiran data peribadi

8. Kami akan menzahirkan/memindahkan data peribadi anda kepada pihak ketiga (yang mungkin berada di dalam atau di luar Malaysia) berikut berkaitan dengan atau untuk memenuhi mana-mana Tujuan tersebut:
 - (a) perbadanan-perbadanan berkaitan kami dan/atau syarikat-syarikat subsidiari, bersekutu dan/atau kumpulan kami;
 - (b) rakan-rakan perniagaan, kontraktor dan pembekal perkhidmatan kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada pembekal perkhidmatan pusat data kami, pembekal kemudahan penyimpanan dan pengurusan rekod, pembekal perkhidmatan awan, pembekal perkhidmatan teknologi maklumat dan/atau penganalisis data dan agensi pemasaran;

- (c) agensi pelaporan kredit;
- (d) penasihat kewangan atau profesional kami;
- (e) bank, syarikat insurans, pembekal perkhidmatan pengesahan kad kredit dan pemproses pembayaran;
- (f) jabatan dan/atau agensi kerajaan dan pihak berkuasa pengawalseliaan dan/atau badan berkanun dan pegawai penguatkuasa undang-undang;
- (g) mana-mana pihak ketiga yang diminta atau dibenarkan oleh anda;
- (h) ahli keluarga terdekat anda dan/atau orang hubungan (bagi keadaan kecemasan) yang diberitahu kepada kami dari semasa ke semasa;
- (i) kakitangan keselamatan dan sekuriti;
- (j) pihak ketiga yang kepadanya hak, kepentingan, atau harta kami dipindahkan/diserahkan, pihak ketiga yang memindahkan/menyerahkan haknya, kepentingannya atau hartanya kepada kami, pihak ketiga yang memperolehi hak, kepentingan, atau harta kami atau pihak ketiga yang haknya, kepentingannya, atau hartanya kami memperolehi (sebenar atau berpotensi);
- (k) pihak ketiga disebabkan oleh penstrukturan semula atau pelaksanaan korporat yang sebenar atau berpotensi (termasuk tetapi tidak terhad kepada penggabungan, pengambilalihan dan/atau penstrukturan semula perniagaan, aset dan/atau liabiliti kami); dan
- (l) pihak ketiga lain untuk mana-mana Tujuan tersebut.

Data peribadi pihak ketiga

9. Kami boleh menghendaki bantuan anda jika data peribadi yang berhubungan dengan orang lain dikehendaki untuk memproses data peribadi anda untuk Tujuan tersebut dan anda dengan ini bersetuju untuk menggunakan usaha terbaik anda untuk membantu kami bila dikehendaki.
10. Jika data peribadi pihak ketiga telah diberikan oleh anda kepada kami, anda hendaklah memastikan bahawa pihak ketiga tersebut telah membaca Notis ini dan bersetuju dengan pemprosesan data peribadinya oleh kami untuk mana-mana Tujuan tersebut sebelum memberikan data peribadinya kepada kami.
11. Jika orang lain memberikan/mengemukakan data peribadi anda kepada kami, anda bersetuju bahawa anda telah memberi kebenaran untuk pemberian/pengemukakan data peribadi anda dan anda bersetuju dengan pemprosesan data peribadi anda oleh kami selaras dengan Notis ini.

Data peribadi kanak-kanak bawah umur dan lain-lain

12. Mengenai data peribadi yang berkaitan dengan: (i) kanak-kanak di bawah umur (iaitu individu di bawah umur 18 tahun, "**Kanak-kanak Bawah Umur**"), sila ambil perhatian bahawa persetujuan adalah diperlukan daripada ibu bapa atau penjaga Kanak-kanak Bawah Umur tersebut atau seorang yang mempunyai tanggungjawab ibu bapa terhadap Kanak-kanak Bawah Umur tersebut; dan (ii) yang berkaitan dengan individu yang dianggap tidak berupaya mengurus urusannya sendiri ("**ITB**"), sila ambil perhatian bahawa persetujuan adalah diperlukan daripada seorang yang dilantik oleh mahkamah untuk menguruskan urusan ITB tersebut atau seorang yang diberi kuasa secara sah untuk mewakili ITB tersebut. Bolehkan anda mengesahkan bahawa anda telah diberikan kuasa atau dibenarkan untuk memberi persetujuan bagi pihak Kanak-kanak Bawah Umur atau ITB tersebut seperti yang dinyatakan di atas dan anda bersetuju, bagi pihak Kanak-kanak Bawah Umur atau ITB tersebut, untuk pemprosesan (termasuk penzahiran dan pemindahan) data peribadi Kanak-kanak Bawah Umur atau ITB tersebut selaras dengan Notis ini. Sekiranya anda menyerahkan/mengemukakan data peribadi anda kepada kami (sebagai tambahan kepada data peribadi Kanak-kanak Bawah Umur atau ITB tersebut), anda juga bersetuju dengan pemprosesan data peribadi anda selaras dengan Notis ini.

Data peribadi wajib

13. Ia adalah wajib untuk anda memberikan kepada kami butir-butir yang ditandakan atau dinyatakan sebagai wajib dalam borang kami (secara kolektif, "**data peribadi wajib**"). Jika anda tidak memberikan kami mana-mana data peribadi wajib tersebut, kami boleh enggan memproses data peribadi anda untuk mana-mana Tujuan tersebut. Ini akan menyebabkan kami tidak dapat membekalkan anda produk dan/atau perkhidmatan yang diminta.

Pemindahan data peribadi ke tempat di luar Malaysia

14. Kami boleh, jika perlu, memindahkan data peribadi anda ke sesuatu tempat di luar Malaysia dan anda dengan ini memberikan persetujuan anda terhadap pemindahan tersebut.

Ketepatan data peribadi

15. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang anda berikan kami adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini. Anda boleh mengemaskini data peribadi anda dengan menyerahkan borang kemaskini yang boleh diperolehi dari kami atas permintaan anda.

Konflik

16. Sekiranya terdapat apa-apa ketidak-konsistenan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi versi Bahasa Malaysia.

Pindaan

17. Kami mungkin mengemaskini dan meminda Notis ini dari semasa ke semasa. Kami akan memaklumkan anda apa-apa pindaan kepada Notis ini melalui notis di Platform kami atau cara-cara lain yang sesuai. Apa-apa pindaan kepada Notis ini akan

berkuatkuasa setelah pemakluman tersebut. Dengan terus terlibat dengan kami berkenaan dengan produk dan/atau perkhidmatan kami, mengakses Platform atau Premis Kami dan/atau membekalkan kami dengan perkhidmatan/produk anda, setelah penerbitan atau pengeluaran pemakluman mengenai pindaan kepada Notis ini, anda akan dianggap telah bersetuju kepada Notis privasi ini (yang telah dikemaskini/dipinda).